

# OKU cipta kerusi roda bermotor pertama buatan tempatan

u.m 22/12/07 MIS 8

KUALA LUMPUR 21 Dis. - Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di negara ini membuktikan keupayaan mereka dengan mencipta kerusi roda bermotor untuk golongan itu.

Kerusi roda yang dinamakan DD1 itu adalah rekaan syarikat D to D Services (Disabled to Disabled) dan merupakan ciptaan pertama anak tempatan.

Pengerusi Yayasan S P Setia, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, ini sekali gus membuktikan golongan tersebut mampu memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

"Rekaan ini membuktikan golongan OKU mampu menghasilkan produk berinovasi dan mereka mampu berdikari.

"Ini juga tanda OKU tidak hanya pandai meminta sedekah," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran dan Sumbangan DD1 kepada

lima penerima di sini hari ini.

Majlis tersebut menyaksikan penyampaian cek daripada Yayasan S P Setia bernilai RM49,500, kepada D to D Services di atas pembelian lima unit kerusi roda bermotor itu.

Sementara itu, Pengarah D to D Services, Steve Chin berkata, rekaan DD1 merupakan tanggungjawab dan kejayaan tujuh orang pekerja syarikat berkenaan yang kesemuanya terdiri daripada golongan OKU.

"Antara keistimewaan lainnya adalah harga yang berpatutan iaitu hampir separuh daripada kadar ditawarkan oleh syarikat luar seperti dari Amerika Syarikat," katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima kerusi roda berkenaan, Safwan Mokhalil Kamal, 34, berkata, DD1 yang bakal diterimanya membolehkan tugas beliau sebagai Koordinator Reka Cipta di Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti (PDK) di Per-

matang Guntung, Teluk Intan, Perak menjadi lebih mudah.

"Ia juga sangat bermakna kerana keupayaan saya untuk menolak kerusi roda manual adalah terhad berikutan keadaan tangan yang lemah," jelas beliau.

Seorang lagi penerima, Mohd. Shaffuan Al Farouqi Mohd. Ali, 22, berkata, sumbangan itu akan membuatkannya lebih bersemangat untuk meneruskan pekerjaan sebagai tutor.

"Sebelum ini saya terpaksa bergantung kepada seseorang untuk menolak kerusi roda manual tetapi selepas ini saya mampu berdikari," katanya yang mengajar subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik peringkat sekolah rendah di sekitar Setapak Jaya.

Tiga lagi penerima DD1 ialah Lai Sze Seng, 28, M. Balakrishnan, 30, dan Fong Kwai Fah, 37.